

Pembandaran, Perubahan Sosial dan Peningkatan Peranan Wanita sebagai Penjana Pendapatan Keluarga

Urbanization, Social Change and the Increasing Role of Women as Family Breadwinner

NIK HAIRI OMAR & JULIANA ROSMIDAH JAAFAR

ABSTRAK

Perkembangan proses pembandaran di Malaysia sejak tahun 1957 sehingga kini telah secara signifikan mengubah peranan wanita dalam masyarakat. Fenomena pembandaran telah mengubah struktur, dinamika dan peranan tradisional wanita dalam unit sosial yang paling asas iaitu keluarga. Artikel ini mengutarakan persoalan sejauhmana proses pembandaran dan perubahan sosial yang dialami oleh Malaysia selepas merdeka sehingga kini telah memperlihatkan pengaruhnya ke atas perubahan peranan wanita daripada fungsi domestik kepada penjana pendapatan keluarga. Perkara ini diteliti berdasarkan trend data Banci Penduduk dan Perangkaan Penting, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Berdasarkan penelitian terhadap data pertumbuhan bandar bagi tempoh 1957 sehingga tahun anggaran 2025, analisis menunjukkan perkembangan tahap pembandaran telah mencorakkan pola peningkatan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan pada jumlah yang drastik, begitu juga bagi data berkaitan peranan sebagai Ketua Isirumah (KIR). Pada masa sama, penelitian terhadap data enrolmen wanita dalam sektor pendidikan tinggi (matrikulasi, kolej dan universiti) juga meningkat ketara. Trend data dalam tempoh sama turut memperlihatkan wujudnya corak perkahwinan lewat usia dalam kalangan wanita bekerja (27-29 tahun) serta terdapatnya pola pemilikan saiz keluarga nukleus. Perubahan-perubahan yang berlaku antara tahun penelitian ini membolehkan suatu rumusan yang konkrit dibuat iaitu bahawa proses pembandaran yang berlangsung telah mengubah peranan wanita daripada fungsi domestik kepada fungsi penjana pendapatan keluarga. Sejajar dengan peningkatan peranan wanita dalam sektor ekonomi dan perubahan demografi yang diakibatkan olehnya, wanita memerlukan sokongan dan persekitaran yang kondusif agar dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan. Ini termasuk polisi dan program yang menyokong keseimbangan kerja-kehidupan, peluang kerjaya yang adil serta pembahagian tugas rumah tangga yang lebih seimbang.

Kata kunci: Pembandaran; perubahan sosial; peranan; wanita; penjana pendapatan keluarga

ABSTRACT

The urbanization process in Malaysia since 1957 has significantly transformed the role of women in society. Urbanization phenomena have transformed the structure, dynamics, and traditional roles of women within the basic unit of the family. This paper examines how urbanization and social changes in the post-independence period have influenced the shift in women's roles - from traditional domestic functions to becoming key income-generators for their families. The analysis is grounded in Census data and Vital Statistics from the Department of Statistics Malaysia (DOSM). A review of rapid urban growth from 1957 to 2025 indicates that urbanization has shaped a distinct pattern of increasing women's participation in the labor force and a rise in the proportion of women serving as Heads of Households. Concurrently, data shows a significant upward trend in women's enrollment in higher education (matriculation, colleges, and universities). Additionally, the data reveals a pattern of delayed marriage among working women (aged 27-29) and a tendency towards smaller nuclear family sizes. The profound changes observed between 1957 and 2025 demonstrate that the urbanization process has fundamentally reshaped the role of Malaysian women, transitioning them from traditional domestic roles to primary income-generators for their families. As women's economic roles have expanded, they require a supportive environment and appropriate policies to effectively fulfill their evolving responsibilities. This includes work-life balance initiatives, fair career opportunities, and more equitable distribution of household tasks.

Keywords: Urbanization; social change; role; women; family breadwinner

PENGENALAN

Proses pembandaran yang pesat di Malaysia sejak akhir abad ke-20 telah membawa banyak perubahan sosial yang ketara termasuk peningkatan penglibatan wanita dalam pasaran buruh dan sebagai penyumbang utama pendapatan keluarga. Pembandaran dan perubahan sosial mempunyai hubungan yang rapat dan saling mempengaruhi (dwi-hala). Dari satu sudut, pertumbuhan ruang bandar yang pesat telah menyebabkan terjadinya perubahan dalam struktur dan fungsi kekeluargaan serta semakin melemahnya ikatan-ikatan sosial dalam masyarakat. Akibatnya fungsi tradisional kekeluargaan seperti sokongan, penjagaan, dan interaksi sosial semakin berkurangan (Kasarda & Janowitz 1974). Kajian-kajian awal berkenaan pembandaran menyifatkan mobiliti sosial dan ekonomi yang tinggi di kawasan bandar telah menggalakkan perkembangan individualisme serta melonggarkan hubungan sosial dalam kekeluargaan tradisional (Wirth 1938; Giddens 1990; Abdul Samad & Sulong 1990). Peningkatan pembandaran juga mengakibatkan pengurangan masa dan tenaga untuk menjalankan fungsi keluarga seperti penjagaan anak dan orang tua (Sampson 1988), serta menjadikan hubungan kemasyarakatan tidak berakar umbi (Giddens 1990). Kepelbagaian etnik, budaya, dan status sosial dalam persekitaran bandar juga turut mencabar ketahanan norma dan nilai masyarakat sedia ada sehingga mengalami perubahan (Jacobsen 2017).

Di suatu sudut yang lain pula, perubahan sosial mengembangkan lagi proses dan tahap pembandaran. Perubahan dalam struktur pekerjaan dan stratifikasi sosial yang terhasil kesan daripada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi selanjutnya meningkatkan perubahan dalam corak pembandaran moden (Castells 1996). Transformasi nilai dan gaya hidup yang lebih individualistik akan terbentuk sementara pengurangan ikatan hubungan komuniti tradisional semakin mendorong penciptaan konsep dan ruang pembandaran yang lebih individualistik. Kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di kawasan pembandaran menyumbang kepada perubahan dalam ekonomi, politik dan institusi sosial (Davis 1965). Pada masa yang sama, faktor kepelbagaian, interaksi dan persaingan antara kumpulan sosial di bandar-bandar besar mendorong perubahan dalam nilai, gaya hidup dan norma-norma masyarakat.

Pembandaran dan perubahan sosial adalah proses normal yang terjadi di dalam semua masyarakat dunia memandangkan masyarakat itu sendiri adalah sebuah entiti yang dinamik (Prentice & Paluck 2020). Pertumbuhan bandar dan pembandaran akan mengubah cara hidup, budaya, dan struktur masyarakat secara radikal. Oleh itu, perubahan yang signifikan dalam struktur sosial dan pola kebudayaan masyarakat adalah tidak terelak dan pasti berlaku dari masa ke semasa (Moore 1967). Perubahan sosial merupakan suatu proses kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai elemen. Selain pembandaran, faktor-faktor pemangkin perubahan sosial dalam masyarakat adalah teknologi dan inovasi, globalisasi, perubahan demografik, gerakan sosial serta peristiwa krisis dan bencana dalam masyarakat (Kinseng 2021; Giddens 1990; Held 1999).

Dalam konteks perkembangan pembandaran, penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan yang mempunyai tarikan aktiviti sosio-ekonomi yang lebih baik telah meningkatkan densiti populasi di kawasan berkenaan, selanjutnya mengubah menjadi kawasan pertumbuhan, bandar atau pembandaran (Todaro & Smith 2012; UN 2019). Peningkatan proses pembandaran telah menjadi ciri penting dalam perkembangan Malaysia selepas merdeka yang menekankan paradigma pembangunan berteraskan objektif pertumbuhan ekonomi dan permodenan. Di peringkat awal proses pembandaran, berlakunya perubahan demografi dan taburan penduduk yang tertumpu di kawasan kewujudan kilang-kilang kerana keupayaan kawasan berkenaan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan kesempatan sosio-ekonomi lebih baik

(Hoffmann et al. 2019). Perkembangan sektor perkilangan mendorong kepesatan pembandaran dan kedua-duanya meningkatkan lagi migrasi masuk desa ke bandar untuk mencari pekerjaan. Kajian oleh Hoffmann et al. (2019) telah menyifatkan pertumbuhan sektor perkilangan sebagai faktor utama tarikan migrasi golongan muda ke lokasi-lokasi perindustrian utama seperti Shah Alam, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Penghijrahan populasi ke kawasan perindustrian ini juga turut didorong oleh faktor tersedianya kemudahan kesihatan, infrastruktur dan keselesaan hidup dalam persekitaran bandar.

PERSOALAN DAN OBJEKTIF

Fenomena pembandaran telah mengubah struktur, dinamika dan peranan tradisional wanita dalam unit sosial yang paling asas iaitu keluarga (Mohd Yaacob & Siti Hajar 2015). Persoalan utama yang ditekankan dalam artikel ini ialah sejauhmana proses pembandaran yang dialami oleh Malaysia selepas merdeka terutama semenjak 1970an telah menyebabkan fungsi atau peranan wanita berubah daripada peranan domestik (tradisional) kepada peranan sebagai penjana pendapatan keluarga?

Bagi menjawab persoalan, artikel ini meneliti secara terperinci bagaimana proses pembandaran telah menyebabkan perubahan sosial dalam peranan dan fungsi kekeluargaan dengan fokus terhadap peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan utama keluarga. Analisis terhadap persoalan ini akan dijawab berdasarkan penelitian terhadap data bancian dan perangkaan utama negara, ditinjau dari aspek penyertaan wanita sebagai Ketua Isirumah (KIR), gunatenaga, pendidikan, perkahwinan dan saiz keluarga.

Terdapat dua kepentingan mengapa persoalan peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan ini perlu diteliti. Pertama adalah untuk melihat sebesar manakah pembandaran telah memecahkan struktur keluarga tradisional yang sebelum ini menempatkan wanita dengan peranan domestik. Peningkatan statistik jumlah wanita bekerja sejak merdeka hingga kini akan memperlihatkan corak peralihan dalam peranan struktur keluarga tradisional akibat proses pembandaran ini.

Kedua, perpindahan wanita daripada peranan domestik tradisional kepada peranan sebagai penjana pendapatan keluarga menandakan terjadinya perubahan dalam sistem norma dan nilai masyarakat sedia ada. Kehidupan bandar yang kompleks mendorong wanita menjalankan fungsi yang melampaui peranan tradisional mereka. Justeru itu, kadar penyertaan wanita dalam pendidikan, mobiliti sosial dan pekerjaan, perkahwinan lewat dan pembentukan keluarga nukleus adalah sebahagian bukti yang dapat menggambarkan terjadinya peralihan norma dan nilai dalam sistem kekeluargaan secara keseluruhan. Bukti-bukti ini secara langsung mahupun tidak langsung dapat menyediakan keterangan kukuh mengenai peralihan peranan wanita daripada peranan tradisional kepada penjana pendapatan keluarga.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat banyak literatur berkaitan impak pembandaran ke atas perubahan struktur keluarga serta kajian-kajian berkaitan peranan wanita sebagai penjana pendapatan di negara ini. Dalam artikel ini, hanya beberapa kajian ilmiah yang signifikan dalam dua darsawarsa yang lalu diteliti. Di antara kajian awal mengenai perubahan peranan wanita dan struktur keluarga di Malaysia adalah kajian

Zainab (2001) berkaitan wanita, pekerjaan dan keluarga di Malaysia. Menurut dapatannya, pembangunan dan perubahan sosial telah menyebabkan peranan wanita berubah dan perlu bekerja bagi membantu menyara keluarga. Menerusi temubual mendalam yang dilakukan, hasil kajian Zainab mendapati kesemua wanita bekerja memikul tugas dwi-peranan iaitu bertanggungjawab di tempat kerja dan di dalam rumah tangga. Kajiannya juga melaporkan bahawa wanita bekerja sering menghadapi tekanan kerja yang tinggi serta berpotensi menjejaskan kesejahteraan keluarga dan memerlukan masyarakat menyediakan sokongan sosial bagi mengimbangi tekanan. Meskipun kajian ini menarik dalam konteks membahaskan peranan dan tekanan yang dihadapi wanita bekerja, kajian ini tidak menyentuh secara mendalam mengenai pola, corak atau tren data makro berkaitan perubahan peranan wanita di negara ini.

Sementara itu, Roziah (2003) dalam kajiannya bertajuk *Changing Roles of Malaysian Women: From Homemaker to Breadwinner* pula telah mengkaji perubahan peranan wanita Malaysia daripada ibu rumah tangga kepada penjana pendapatan utama keluarga. Skop kajian Roziah agak terhad kerana berpandukan sumber maklumat temu bual mendalam dengan beberapa kumpulan wanita bekerja di Malaysia. Penglibatan wanita dalam tenaga kerja menurutnya telah menyebabkan perubahan dalam peranan tradisional daripada ibu rumah tangga kepada peranan instrumental sebagai pencari nafkah utama keluarga. Perubahan peranan wanita ini menurutnya telah membawa implikasi terhadap struktur dan dinamik keluarga Malaysia. Fokus penelitian dalam kajian yang dijalankan Roziah (2023) tidak banyak bezanya dengan kajian Zainab (2001), juga kajian Nurwati & Nor (2014). Kesemua pengkaji ini menjalankan penyelidikan berbentuk kualitatif dengan fokus berkaitan cabaran wanita bekerja dengan dapatan yang menekankan terjadinya masalah konflik peranan, tekanan di tempat kerja dan diskriminasi dalam pekerjaan.

Kajian-kajian lepas berkenaan perubahan peranan wanita dalam konteks peningkatan pembandaran, permodenan dan perkembangan industri di negara ini kebanyakannya adalah berteraskan pendekatan kualitatif dan kajian kes. Selain kajian-kajian yang disebutkan di atas, penelitian mengenai dampak pembandaran dan permodenan ke atas perubahan struktur keluarga dapat dilihat dalam beberapa kajian lain seperti Noor Azuddin et al. (2015) mengenai perubahan struktur keluarga dan penyertaan wanita dalam tenaga kerja di Malaysia; kajian Noraida & Intan (2010) berkaitan wanita, keluarga dan pembangunan di Malaysia; kajian oleh Khoo et al. (2012) tentang wanita, keluarga dan perubahan sosial; kajian oleh Rohana Yusof (2006) berkaitan pendidikan, pekerjaan dan peranan wanita dalam keluarga di Malaysia; dan kajian Norazilawati et al. (2022) mengenai penglibatan wanita dalam memperkasa sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi awal abad ke 20. Pada dasarnya, kesemua kajian-kajian berkenaan cenderung merumuskan pola dapatan yang agak sama di mana penglibatan wanita sebagai penjana pendapatan membawa bersama isu-isu berkaitan perubahan peranan, konflik dan tekanan pekerjaan serta terjejasnya beberapa aspek kesejahteraan keluarga. Misalnya dapatan kajian Noor Azzuddin et al. (2015) menekankan adanya pola penurunan saiz isi rumah dan kadar kelahiran dalam kalangan keluarga wanita dwi-kerjaya; Noraida & Intan (2010) mengutarakan isu perubahan kedudukan dan peranan wanita dalam institusi keluarga; Fatimah & Yong (2009) menekankan wanita sebagai pemikul peranan ekonomi yang kritikal untuk kesejahteraan kewangan keluarga; Khoo et al. (2012) yang menyifatkan pembangunan telah mengubah struktur, fungsi dan dinamik keluarga di Malaysia, serta kajian oleh Rohana (2006) yang menyimpulkan perubahan peranan wanita akibat peningkatan tahap pendidikan dan keterlibatan dalam pekerjaan.

Penelitian yang meluas dan menyeluruh mengenai impak pembandaran di Malaysia terdapat dalam koleksi 10 Kajian Etnografi Sabah berjudul “Pembandaran dan Transformasi Bandar Negeri Sabah” oleh Abdul Samad & Sulong (1990). Koleksi penerbitan ini antara lain membentangkan

10 artikel berteraskan penyelidikan etnografi Sabah di era 1980an dan 1990an melibatkan para sarjana ternama UKM seperti Sham Sani, H.M. Dahlan, Sulong, Abdul Samad, Zulkifly, Liew & Halim Ali. Bab-bab perbincangan dalam penerbitan ini menyentuh pelbagai skop pembandaran, antaranya mengenai proses transformasi pusat pengkalan kecil kepada pertumbuhan bandar, perubahan ruang dan struktur ekonomi bandar, solidariti golongan berpenghasilan rendah bandar, struktur kejiwaan orang bandar, persepsi imej ruang bandar, transformasi sosial, pengagihan pendidikan dalam pola ruang bandar serta isu-isu pemuliharaan alam sekitar.

Selain di atas, dalam konteks keluarga bandar, terdapat beberapa kajian kualitatif dijalankan penyelidik seperti oleh Suriati (2002) yang menumpukan perubahan peranan wanita dalam kalangan Melayu kelas menengah bandar. Objektif utama Suriati adalah untuk mengkaji impak pembandaran terhadap perubahan peranan wanita kelas menengah Melayu di bandar-bandar Malaysia. Berdasarkan temubual dan pemerhatian yang dijalankannya, wanita Melayu kelas menengah di bandar menunjukkan perubahan dalam peranan tradisional mereka dengan lebih banyak terlibat dalam aktiviti ekonomi. Urbanisasi dan pembangunan ekonomi telah dirumuskan mengubah dinamik dan struktur keluarga Melayu bandar. Selain Suriati (2002), terdapat kajian oleh Rahman et al. (2020) mengenai keperluan bekerja bagi pasangan suami - isteri dalam keluarga bandar terutama berpendapatan rendah. Menurutnya, perubahan peranan wanita kepada penghasil pendapatan adalah satu keperluan supaya agar dapat membebaskan keluarga daripada kemiskinan yang diujahkannya boleh memesongkan akidah umat Islam itu sendiri dan mengundang perasaan berputus asa.

Kajian-kajian mengenai impak pembandaran terhadap peningkatan peranan wanita dan struktur keluarga dalam perspektif makro dan kuantitatif agak terhad. Namun, sebuah kajian yang agak menarik dan menggunakan data panel sosio ekonomi seperti Banci Penduduk dan Survei Tenaga Buruh adalah kajian oleh Noor Rahamah (2007). Dalam kajiannya, Noor Rahamah berusaha menentukan impak pembandaran terhadap wanita, pekerjaan dan struktur kekeluargaan dengan menganalisis kesan penyertaan tenaga kerja wanita dalam sektor pekerjaan ke atas struktur keluarga di Malaysia. Dua penemuan penting kajian Noor Rahamah ialah rumusan bahawa peningkatan jumlah wanita bekerja telah menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran serta berlakunya peningkatan dalam usia perkahwinan wanita di negara ini. Penurunan dalam kadar kelahiran terjadi kerana wanita yang bekerja cenderung untuk menunda atau membatasi jumlah kelahiran anak, sekaligus membentuk keluarga nukleus. Sementara peningkatan usia perkahwinan pula terjadi di mana wanita yang bekerja cenderung untuk menikah pada usia yang lebih tua dibandingkan generasi sebelumnya.

Dalam satu kajian lain, Noor Rahamah (2012) turut mengkaji mengenai dilema wanita bekerja (dwi-peranan) yang menghadapi tekanan untuk membahagikan tugas mereka di pejabat dan menguruskan rumah tangga. Dari segi ekonomi, mereka terpaksa bekerja bagi membantu menambah pendapatan suami kerana perbelanjaan yang semakin bertambah. Berdasarkan temubual dengan 12 buah keluarga yang melibatkan 36 responden, dapatan kajian menunjukkan kaum wanita bekerja menghadapi masalah dalam melakukan tugas di rumah dan juga di tempat kerja. Mereka terpaksa memikul beban kerja yang banyak di rumah dan tidak mempunyai masa yang cukup untuk melakukan semua kerja dalam satu masa termasuk menjaga anak-anak. Di tempat kerja pula, mereka menghadapi beberapa masalah seperti prosedur kenaikan pangkat yang tidak adil dan rakan sekerja yang mempunyai pelbagai ragam.

Beberapa sorotan literatur mengenai perubahan peranan wanita dan struktur kekeluargaan yang dibincangkan menunjukkan bahawa menerusi proses pembandaran, permodenan atau perindustrian yang berlaku di negara ini, peranan wanita sebagai penjana pendapatan keluarga

telah diterima umum dan telah menjadi norma dalam kebanyakan pasangan berkahwin. Peningkatan proses pembandaran telah membawa perubahan persepsi tentang peranan wanita dalam keluarga. Secara meluas, penerimaan terhadap perubahan peranan wanita selaku penjana pendapatan bukan hanya berlaku di Malaysia, bahkan lebih awal dalam masyarakat Barat dan beberapa negara Asia Tenggara lain. Misalnya di Filipina, kajian oleh Adame, Perea & Manibo (2019) mendapati peranan penjana pendapatan keluarga bandar bukan lagi semata-mata di atas bahu suami, sebaliknya terdapat trend yang semakin diterima pakai di mana suami tinggal di rumah untuk menguruskan rumah tangga sementara isteri keluar untuk bekerja. Para pengkaji di atas turut melaporkan bahawa suami sebagai suri rumah (*househusband*) didapati mempunyai persepsi kesejahteraan diri sendiri yang lebih baik dan melaporkan kepuasan dalam perkahwinan mereka. Dalam penelitian mengenai Asia Tenggara, Monsen (1991) menyifatkan wanita-wanita muda di bawah usia 35 tahun telah terlibat aktif sebagai tenaga kerja dalam sektor perkilangan di mana mereka keluar bekerja bagi menampung keperluan keluarga.

PEMBANDARAN DAN PERUBAHAN SOSIAL: KONSEP DAN TEORI

Pembandaran dan perubahan sosial adalah dua konsep yang saling berkait rapat kerana pembandaran membawa bersamanya perubahan sosial, dan sebaliknya perubahan sosial pula mendorong perkembangan proses pembandaran. Transformasi dalam corak pekerjaan, gaya hidup, nilai, norma, dan institusi sosial berlaku dengan ketara menerusi proses pembandaran sementara pertumbuhan ekonomi bandar mendorong terjadinya perubahan dalam sistem sosial, stratifikasi sosial, mobiliti sosial dan struktur kelas.

Pembandaran secara ringkas merujuk kepada proses pembentukan dan pertumbuhan bandar serta perubahan gaya hidup masyarakat daripada bercirikan tradisional (luar bandar) kepada ciri hidup bandar. Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN 2019) menakrif pembandaran sebagai proses di mana semakin banyak orang tinggal di bandar dan kawasan sekitarnya, serta semakin banyak aktiviti ekonomi, sosial dan budaya yang terpusat di bandar-bandar. Takrifan klasik oleh Clark (1951) menyatakan konsep pembandaran adalah pertumbuhan relatif populasi dan aktiviti di bandar-bandar berbanding dengan kawasan luar bandar. Terdapat pelbagai teori bagi memahami pertumbuhan dan perkembangan bandar, antaranya adalah Teori Pusat-Bandar (Central-Place Theory) oleh Christaller (1933); Teori Penarik-Penolak (Push-Pull Theory) oleh Lee (1966), dan Teori Ekologi Bandar (Urban Ecology Theory) oleh Park & Burgess (1925).

Secara keseluruhan, pembandaran melibatkan densiti dan pertumbuhan penduduk disertai pembangunan fizikal di kawasan bandar yang mendorong perubahan aspek ekonomi, sosial dan budaya masyarakat. Pembandaran akan bersifat pseudo atau palsu sekiranya pertumbuhan drastik penduduk dalam sesuatu kawasan bandar tidak disokong oleh pertumbuhan kegiatan ekonomi, infrastruktur dan sosial yang secukupnya seperti yang banyak berlaku di negara sedang membangun (Pacione 2009; McGhee 1971; Todaro & Smiths 2011). Antara ciri umum pembandaran pseudo ialah keadaan pertumbuhan populasi bandar yang cepat tanpa disertai oleh pertumbuhan peluang pekerjaan yang mencukupi, mengakibatkan terjadinya peningkatan kadar kemiskinan bandar dan isu-isu lain seperti persetinggahan, dualisme ekonomi, jenayah dan masalah sosial serta isu-isu infrastruktur, alam sekitar, perumahan, kesihatan dan pendidikan.

Di Malaysia, tahap pembandaran ditentukan berdasarkan saiz penduduk dalam wilayah bandar. Bandar, secara umumnya dirujuk sebagai kawasan yang mempunyai populasi sekurang-kurangnya 10,000 orang (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020). Kriteria ini bukanlah

mutlak kerana bandar juga perlu ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai kelengkapan infrastruktur dan kemudahan bandar, serta aktiviti ekonomi yang tekal (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2006).

Perubahan sosial pula dapat didefinisikan sebagai transformasi dalam struktur dan fungsi sistem sosial sesuatu masyarakat iaitu dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain (Sztompka 1993). Transformasi ini melibatkan perubahan dalam corak tindakan dan interaksi manusia, serta perubahan dalam institusi dan struktur sosial (Macionis 2012). Perkembangan masyarakat yang bergerak dari tahap primitif ke tahap yang lebih kompleks dan maju adalah satu contoh perubahan sosial positif. Demikian halnya peralihan gaya hidup masyarakat luar bandar dari tradisional menjadi gaya hidup bandar yang moden adalah satu perubahan sosial berkaitan norma dan nilai hidup. Mutekwe (2012) secara ringkas menyifatkan perubahan sosial sebagai suatu perubahan dalam aktiviti kelestarian hidup manusia, struktur masyarakat dan nilai dalam hubungan antara jaringan sosial individu. Modenisasi dilihat sebagai salah satu elemen penting dalam pembandaran dan ianya bermula dengan perubahan jenis aktiviti dalam kegiatan masyarakat (termasuk keluarga) untuk mencapai hidup yang lebih baik dan lestari. Ini termasuklah dalam persoalan berkaitan peralihan peranan wanita daripada peranan domestik kepada penjana pendapatan utama keluarga masa kini.

Perubahan sosial dapat difahami menerusi pelbagai aliran teori. Terdapat sekurang-kurangnya enam perspektif teoritikal menawarkan pemahaman mengenai perubahan sosial iaitu aliran Teori Evolusi (Comte, 1840an; Spencer, 1880an); aliran Teori Konflik (Marx 1867; Weber 1922; Dahrendorf 1959; Coser 1957), aliran Teori Strukturalis-Fungsionalis (Durkheim 1893; Parsons 1951); aliran Teori Modenisasi (Parsons 1951; Huntington 1968), aliran Teori Kebudayaan (Mead 1970; Toffler 1970), aliran Teori Konflik Generasi (Manheim 1952; Ryder 1965) dan teori Aliran Teori Sistem Dunia (Wallerstein 1974).

Dalam artikel ini, dua teori yang relevan bagi memahami impak pembandaran dan perubahan sosial ke atas peningkatan peranan wanita dan struktur kekeluargaan akan dijelaskan iaitu masing-masing satu daripada aliran Teori Strukturalis-Fungsionalis dan aliran Teori Konflik. Dalam aliran Strukturalis-Fungsionalis, salah satu teori yang berpengaruh adalah Teori Struktural-Fungsional yang dikemukakan oleh Talcott Parsons pada awal abad ke 20 (Ormerod 2020), manakala bagi aliran Konflik, teori yang dibahaskan adalah Teori Konflik oleh Coser (1957). Kedua-dua teori ini dipilih kerana hubungkait yang rapat dalam menerangkan perubahan sosial ke atas sistem keluarga dalam persekitaran pembandaran serta kesannya ke atas pendapatan isi keluarga di bandar.

Teori Struktural-Fungsionalisasi secara umumnya menjelaskan bahawa setiap aspek dalam sesebuah sistem (contoh; masyarakat atau keluarga) mempunyai struktur atau peranan tersendiri yang membawa kepada kestabilan sistem keseluruhan. Parsons (dlm. Anthony 2012) menjelaskan bahawa untuk membolehkan sesebuah sistem itu bertahan, perlu terdapat fungsi untuk dipenuhi. Dalam memerihalkan keperluan ini, Parsons memperkenalkan konsep AGIL yang merupakan empat keperluan asas menghadapi perubahan sosial iaitu Adaptasi (*Adaptation*), Pencapaian Tujuan (*Goal Attainment*), Integrasi (*Integration*) dan Latensi (*Latency*). Adaptasi merujuk kepada keadaan di mana sistem perlu membuat penyesuaian dengan persekitarannya bagi memperoleh sumber daya yang diperlukan untuk terus bertahan. *Goal Attainment* pula merujuk kepada pemusatan matlamat dengan tujuan penggunaan sumber dan ahli yang berada dalam sistem berkenaan. *Integration* selanjutnya merujuk kepada keupayaan sistem mengkoordinasi semua fungsi bagi memastikan semua bahagian yang berlainan ini dapat berfungsi dengan baik. Sementara aspek terakhir, *Latency* berfokus kepada ganjaran yang boleh diberikan oleh sebuah

sistem kepada ahli-ahlinya sebagai pendorong (Antony 2012). Dalam teori ini, Parsons berpendapat keempat-empat fungsi harus saling melengkapi dan berjalan secara seimbang agar sistem sosial dapat bertahan dan berkembang baik. Jika salah satu fungsi terganggu, maka ia boleh menyebabkan berlakunya disfungsi dalam sistem sosial tersebut.

Pengaplikasian Teori Struktural-Fungsional dalam konteks keluarga memberi fokus kepada pembahagian tugas berdasarkan jantina ahli keluarga itu sendiri (Kakepoto et al. 2012). Kaum lelaki meletakkan fungsi diri mereka dengan tugas-tugas instrumental seperti penjana pendapatan utama dalam keluarga serta menjaga keselamatan dan perlindungan ahli keluarga. Manakala perempuan pula menjurus kepada peranan ekspresif dan sokongan emosi kepada ahli keluarga lain. Berdasarkan teori, ciri-ciri biologi individu membawa kepada pembahagian tugas; wanita lebih kepada sokongan emosi dan lelaki cenderung kepada penjagaan fizikal keluarga. Kedua-dua keadaan ini disifatkan sebagai keadaan yang membawa kepada kestabilan keluarga. Namun kefungsi peranan ahli keluarga boleh berubah disebabkan perkembangan yang ditunjangi oleh proses pembandaran dan permodenan dalam masyarakat yang memerlukan mereka beradaptasi untuk memastikan kemandirian atau kelestarian keluarga (Apostu 2020; Magezi 2018).

Teori Konflik sebaliknya memberi tumpuan terhadap perubahan sosial yang berlaku kesan daripada timbulnya konflik dalam kehidupan sosial manusia (Jia et al. 2011). Menurut Moller et al. (2003), konflik dalam sistem kehidupan akan berlaku dalam pelbagai tahap iaitu daripada peringkat makro seperti masyarakat atau negara dan global sehingga kepada tahap terkecil seperti keluarga. Teori Konflik yang dikemukakan oleh Coser (1957) menyatakan tidak semua konflik mempunyai impak negatif ke atas sesebuah sistem. Konflik bukan sahaja berupaya membina norma baharu malah dapat memberikan impak positif ke atas hubungan antara ahli-ahli dalam sesebuah sistem.

Dalam menjelaskan mengenai mengenai perubahan sosial yang berlaku disebabkan pembandaran, revolusi industri dan permodenan, Coser (1957) melihat perkembangan dalam struktur sosial sebagai imbalan terhadap perubahan sosial yang berlaku. Sistem yang bersifat tertutup akan membawa kepada perkara yang tidak baik seperti kecenderungan ahli masyarakat melakukan jenayah atau devian akibat wujudnya persaingan terhadap sumber yang ada dalam kumpulan yang tertutup. Oleh itu, adalah penting untuk sesebuah sistem bersifat lebih terbuka bagi membolehkan perubahan sosial dan perkembangan berlaku dengan sebaiknya. Teori Konflik ini telah diaplikasikan dalam pelbagai kajian terdahulu bertujuan menganalisis sistem keluarga dan perubahan sosial hasil daripada perkembangan pembandaran (Shalom-Tuchin 2013; Suprato et al. 2020). Misalnya kajian oleh Shalom-Tuchin (2013) menjelaskan bahawa pada masa kini semakin ramai wanita memasuki alam pekerja yang mana keadaan sedemikian telah memberikan kesan (tekanan) ke atas struktur keluarga serta perkembangan sosial ahli-ahlinya.

Terdasarkan Teori Struktural-Fungsional dan Teori Konflik, dapat diringkaskan bahawa kedua-dua perspektif teori ini mencadangkan perubahan sosial dalam masyarakat berlaku sejajar dengan kewujudan fungsi-fungsi dan tindakbalas penyesuaian unit sosial dalam masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan.

METODOLOGI

Artikel ini adalah sebuah analisis kuantitatif berteraskan data dan maklumat yang diperolehi daripada Bancian Penduduk, serta Perangkaan Penting Penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), meliputi tempoh selepas merdeka (1957) hingga kini (2024). Data

kajian sebahagian besar diperolehi menerusi capaian di tapak sesawang DOSM (<http://www.dom.gov.my>), dan Banci Penduduk Malaysia di laman sawang (<http://www.mycensus.gov.my>). Terdapat juga sebahagian data dirujuk menerusi Laporan Perangkaan berjilid di Koleksi Dokumen Perspustakaan UKM.

Rekabentuk kajian yang menggunakan data kepustakaan (panel siri masa DOSM dan Banci Penduduk) ini bersesuaian dengan objektif penyelidikan yang bertujuan menerangkan impak pembandaran ke atas peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan keluarga, ditinjau dari pertumbuhan dan peralihan penduduk luar bandar ke bandar, kadar penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan (gunatenaga), pendidikan, usia perkahwinan dan bilangan anak. Kesemua data dalam tempoh 1957-2025 ini dijangka dapat menunjukkan suatu pola khusus berkenaan perubahan sosial dalam konteks peningkatan peranan wanita. Memandangkan data DOSM atau Banci dalam tahun-tahun tertentu tidak lengkap, sebahagian data berkenaan dianggarkan sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan formula statistik yang khusus. Misalnya bagi menganggar purata bilangan anak yang tidak dibekalkan dalam laporan DOSM bagi sesetengah tahun (contoh tahun 1980 dan 1990), rumus formula anggaran yang digunakan adalah :

Purata bilangan anak pada tahun awal - ((Purata bilangan anak pada tahun awal - Purata bilangan anak pada tahun akhir) / (Tahun akhir - Tahun awal)) * (Tahun yang ingin dianggar - Tahun awal).

Contoh:

Purata bilangan anak pada tahun awa (1990)l = 4.9 tahun.

Purata bilangan anak pada tahun akhir (1957) = 6.2 tahun.

Tahun yang ingin dianggar = 1990

Rumus: $4.9 - ((6.2 - 4.9) / (1980 - 1957)) * (1990 - 1980) = 4.9 - (1.3 / 23) * 10$
 $= 4.3$ orang

Selain itu, bagi mendapatkan gambaran data pada masa terkini (tahun 2025) bagi sesetengah pembolehubah seperti peratus pertumbuhan penduduk berdasarkan gunatenaga wanita, pembandaran dan selainnya, artikel menggunakan rumus data anggaran. Ini kerana tiada data dikeluarkan oleh pihak Banci Penduduk dan Perangkaan Penting DOSM pada tahun berkenaan. Bagi tujuan ini, pengiraan anggaran adalah berdasarkan formula berikut:

Formula:

$[(\text{Nilai Akhir} / \text{Nilai Awal})^{(1/n)} - 1] \times 100\%$.

Contoh kiraan pertumbuhan tahunan Penduduk bagi tahun 1957-1970:

Nilai Awal (1957) = 0.95 juta,

Nilai Akhir (1970) = 1.25 juta

$n = 1970 - 1957 = 13$ tahun.

Oleh itu, peratus pertumbuhan tahunan = $[(1.25/0.95)^{(1/13)} - 1] \times 100\% = 2.60\%$

PERBINCANGAN DAN HASIL

Persoalan utama yang menjadi fokus perbincangan dalam artikel ini ialah sejauhmanakah pembandaran dan perubahan sosial (semenjak merdeka hingga kini) telah mengakibatkan berlakunya peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan keluarga? Terdapat beberapa petunjuk langsung dan tidak langsung yang boleh digunakan bagi memahami perubahan peranan wanita dalam konteks struktur kekeluargaan yang terkesan oleh pembandaran dan perubahan sosial, antaranya adalah dengan merujuk kepada data penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan, pendidikan, usia perkahwinan dan saiz keluarga (anak). Artikel ini terlebih dahulu meneliti perkembangan aras pembandaran berdasarkan pertumbuhan penduduk bandar dan luar bandar di Malaysia, selanjutnya membincangkan trend data berkenaan.

PEMBANDARAN DAN PERUBAHAN SOSIAL: PERALIHAN DEMOGRAFI PENDUDUK KE PENEMPATAN BANDAR, 1970-2025

Perkembangan pembandaran telah diujahkan mendorong perubahan sosial terhadap struktur kekeluargaan dan boleh menjadi faktor pemangkin kepada perubahan peranan wanita daripada peranan tradisi kepada penjana pendapatan keluarga. Persoalannya, sejauhmanakah pembandaran telah berkembang sesudah negara mencapai kemerdekaannya?

Salah satu petunjuk utama untuk memahami aras atau tingkat pembandaran adalah berdasarkan jumlah kepadatan atau densiti penduduk yang menghuni bandar. Berdasarkan Jadual 1, pembandaran di Malaysia dilihat berkembang pesat antara 1970 - kini. Pada tahun 1970, kira-kira 72.6 peratus penduduk Malaysia menetap di luar bandar dan hanya sejumlah 2.86 juta orang (27.4%) menetap di bandar. Namun demikian, jumlah penduduk bandar berkembang sangat drastik ke angka 4.71 juta orang (34.2%) pada tahun 1980, seterusnya 9.14 juta (49.7%) pada tahun 1990, dan 14.44 juta (62.0%) pada tahun 2000. Peningkatan penduduk bandar yang paling drastik berlaku dalam dua dekad terakhir iaitu meningkat kepada 20.10 juta (71.0%) pada tahun 2010 dan 24.82 juta (76.6%) pada tahun 2020.

Jika diperhalusi, perkembangan pembandaran antara tempoh 1970-2025 yang memperlihatkan pola peralihan demografi penempatan penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar, pada masa yang sama turut disusuli pengecilan jumlah penduduk menetap di luar bandar. Pada tahun 1970, sejumlah 7.57 juta penduduk Malaysia menetap di luar bandar iaitu hampir tiga kali lebih ramai dari penduduk bandar, namun pola ini semakin berubah setiap tahun. Jumlah penduduk luar bandar semakin perlahan pada tahun 1980 dan mencapai titik hampir sama banyak dengan penduduk bandar pada tahun 1990. Berdasarkan nisbah penduduk bandar kepada luar bandar, diperhatikan pertumbuhan penduduk menetap di bandar berbanding luar bandar meningkat sangat ketara iaitu dari 0.38 (1970) ke angka 3.29 (2020). Jika mengambilkira kadar anggaran, penduduk bandar di Malaysia akan terus meningkat ke angka 27.5 juta pada tahun 2025 di mana bagi 1 orang penduduk luar bandar, terdapat 3.19 penduduk di bandar.

Perkembangan pesat infrastruktur dan ekonomi di bandar-bandar utama telah menarik ramai penduduk luar bandar untuk berhijrah ke kawasan bandar bagi mencari peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik. Pada masa yang sama, kawasan-kawasan pinggir bandar dan luar bandar mula menerima kesan serakan menyebabkan terjadinya perubahan luar bandar kepada separa bandar dan bandar. Trend pembandaran yang pesat berlanjutan dengan unjuran penduduk bandar mencecah 76.6 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia pada tahun 2020 dan 77.5 peratus pada tahun anggaran 2025.

JADUAL 1. Taburan Penduduk Malaysia, 1970-2025

Klasifikasi	Taburan penduduk Malaysia (juta orang)						
	1970	1980	1990	2000	2010	2020	2025*
Malaysia	10.43	13.77	18.38	23.27	28.33	32.37	35.5
Bandar	2.86	4.71	9.14	14.44	20.10	24.82	27.5
Luar bandar	7.57	9.06	9.24	8.83	8.23	7.55	8.0
Nisbah (Bandar: Luar Bandar)	0.38	0.52	0.99	1.63	2.44	3.29	3.19

Sumber: Diadaptasi daripada Banci Penduduk, Jabatan Perangkaan Malaysia, 1970-2025 (*anggaran)

Secara keseluruhan, perkembangan pembandaran dan peralihan demografi penduduk Malaysia dari luar bandar ke bandar merupakan suatu proses transformasi sosioekonomi yang signifikan dalam tempoh lebih 50 tahun yang lalu. Jika diteliti dalam konteks sejarah-politik tanah air, tindakan British membawa masuk kaum Cina dan India bagi memajukan ekonomi Tanah Melayu untuk kepentingan penjajah, serta pengenalan sistem pendidikan sekular adalah dua faktor utama yang mempercepatkan proses pembandaran dan perubahan sosial di Tanah Melayu (Abdul Samad 2010). Kedua-dua faktor ini turut mendorong perubahan dalam institusi kekeluargaan di Tanah Melayu apabila ramai orang Melayu yang tinggal di kawasan kampung mengalami kesan permodenan dan pembandaran akibat perubahan dalam corak sistem sosial dan ekonomi. Sejak era pra-merdeka, banyak kawasan kampung telah berubah secara beransur-ansur menjadi bandar apabila semakin banyak pergerakan kumpulan individu berlaku dari luar menuju ke pusat tumpuan tertentu (Kaslan & Jusoh 2020).

IMPAK PEMBANDARAN DAN PERUBAHAN SOSIAL TERHADAP PERANAN WANITA SEBAGAI PENJANA PENDAPATAN KELUARGA

Semenjak merdeka, sejauhmana pembandaran telah memecahkan struktur keluarga tradisional yang sebelum ini menempatkan peranan wanita dengan peranan domestik kepada peranan sebagai penjana pendapatan keluarga? Fokus perbincangan artikel ditumpukan terhadap data penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan, peranan sebagai KIR, penyertaan dalam pendidikan, usia berkahwin dan saiz keluarga.

1. PENINGKATAN PENGLIBATAN WANITA DALAM SEKTOR PEKERJAAN

Sebelum era pembandaran, peranan wanita Malaysia kebanyakannya masih tertumpu kepada tugas-tugas rumahtangga dan penjagaan keluarga (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2016). Proses pembandaran dan permodenan yang dipacu oleh pertumbuhan perindustrian kemudiannya telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan baharu, terutama dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Perkembangan pembandaran ini telah mendorong lebih ramai wanita menceburi pasaran buruh untuk menjana pendapatan sendiri selain tanggungjawab tradisional mereka sebagai suri rumah (Haryati & Noresah 2012). Dalam memahami perubahan peranan wanita selaku penjana pendapatan keluarga ini, penting diketahui sebesar manakah terjadinya pertumbuhan dalam penyertaan tenaga kerja wanita sejak merdeka hingga kini.

Berpandukan Jadual 2, data penglibatan wanita sebagai tenaga kerja negara (jumlah wanita bekerja) semenjak tahun 1957 – 2020 mencatatkan pola peningkatan yang impresif. Pada tahun 1957, hanya sejumlah 0.95 juta wanita berusia produktif terlibat bekerja, namun jumlahnya meningkat ketara ke angka 1.25 juta pada tahun 1970, seterusnya kepada 2.35 juta (1990), 3.15 juta (2000), 5.8 juta (2020) dan anggaran 6.47 juta orang pada tahun 2025. Jika diperhalusi, jumlah

wanita bekerja meningkat hampir 5 kali ganda daripada 920,000 orang pada tahun 1957 kepada 5.8 juta orang pada tahun 2020. Meneliti kepada peratus pertumbuhan penyertaan tenaga kerja wanita ini, dapat disimpulkan bahawa pada peringkat permulaan di tahun 1957, hanya 35.3 peratus wanita menyertai pasaran kerja tetapi selepas tahun 2000, lebih daripada 50 peratus wanita produktif di negara ini mula bekerja. Dianggarkan pada tahun 2025, sejumlah 57 peratus atau lebih wanita akan terlibat sebagai tenaga kerja di negara ini.

JADUAL 2. Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita, 1957-2025

Perkara	Kadar penyertaan tenaga kerja wanita (juta)					
	1957	1970	1990	2000	2020	2025*
Bilangan	0.95	1.25	2.35	3.15	5.8	6.47
Peratus	35.3	39.4	46.6	47.3	55.1	57.0
Purata pertumbuhan (%)	-	2.6%	5.37%	3.01%	5.46%	2.18%

Sumber: Diadaptasi daripada Statistik Tenaga Kerja Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 1957-2025) (*anggaran)

Peningkatan jumlah wanita terlibat sebagai tenaga kerja dalam pasaran ekonomi ini jelas menandakan bahawa proses pembandaran yang pesat menerusi perkembangan perkilangan telah memecahkan struktur keluarga tradisional yang sebelum ini cenderung menempatkan wanita dengan peranan domestik kepada peranan penjana ekonomi keluarga dan negara. Pemikiran *a-priori* dasar yang boleh digunakan ialah pertumbuhan dalam penyertaan tenaga kerja wanita menandakan berlakunya peralihan daripada peranan domestik/tradisional kepada peranan penjana pendapatan keluarga.

Peningkatan kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh mencerminkan ramai wanita mula bekerja dalam pelbagai sektor awam dan swasta serta semakin mengejar kerjaya, ekonomi dan berdikari yang boleh mempengaruhi keputusan mengenai perkahwinan dan berkeluarga. Menurut Mahyuddin et al. (2019), penglibatan wanita yang semakin meluas dalam pasaran buruh menandakan perubahan persepsi mengenai peranan tradisional wanita yang tidak terbatas kepada tugas-tugas rumah tangga sahaja. Kini, wanita Malaysia dilihat lebih berdikari, berkemahiran dan bersedia untuk memberikan sumbangan yang signifikan dalam pelbagai bidang profesional dan keusahawanan.

2. PENINGKATAN PERANAN WANITA SEBAGAI KETUA ISIRUMAH (KIR)

Pembandaran turut memberi pengaruh yang besar ke atas peralihan peranan wanita selaku penyumbang utama pendapatan keluarga, lebih-lebih lagi bagi wanita bercerai, ibu tunggal atau tidak berkahwin. Ketua isirumah wanita pada umumnya merujuk kepada wanita yang bertindak sebagai ketua atau individu utama dalam sesebuah isi rumah. Ini bermakna wanita tersebut bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan hal-ehwal seisi rumah, termasuk membuat keputusan utama dalam rumah tangga. Berdasarkan Jadual 3, dapat dilihat bahawa peratus dan bilangan wanita sebagai KIR di Malaysia semakin meningkat dari tahun 1957 hingga 2025. Perkara ini menunjukkan peningkatan peranan dan kedudukan wanita dalam struktur rumah tangga di Malaysia terutamanya bagi wanita tidak berkahwin, ibu tunggal dan pasangan berpisah.

Pada tahun 1957 hanya terdapat 0.25 juta (250 ribu, atau 10%) wanita sebagai KIR sedangkan pada tahun 2020, jumlahnya bertambah kepada 2.24 juta atau 39% daripada keseluruhan KIR di negara ini. Seungguhpun jumlah ini masih kecil berbanding populasi Malaysia keseluruhannya dan peranan KIR lelaki, namun pertumbuhan populasi akan meningkatkan

peranan KIR wanita di masa hadapan. Walaupun kaum lelaki masih tetap dianggap KIR utama, namun bagi kes-kes wanita tanpa suami atau tidak memiliki pasangan hidup, mereka perlu memainkan peranan sebagai KIR bagi melindungi keluarga. Kemiskinan dalam pembandaran akan meningkatkan risiko wanita KIR menanggung kelestarian keluarga mereka.

JADUAL 3. Bilangan dan Peratus Wanita Sebagai KIR, 1970-2024

Tahun	Bilangan wanita sebagai KIR (berbanding seluruh KIR lain) (juta)	Peratus wanita KIR (berbanding KIR lain)	Penduduk Malaysia (juta)
1957	0.25	10.0	7.4
1970	0.45	15.0	8.1
1980	0.67	18.1	10.4
1990	0.95	22.0	13.8
2000	1.30	27.2	18.2
2010	1.75	32.0	23.3
2020	2.20	37.0	32.7
2024	2.24	39.0	33.4

Sumber: Diadaptasi daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (1960, 1974, 1983, 1991, 2000, 2022)

Menurut kajian Fatimah et al. (2015), peningkatan tahap pendidikan wanita, perubahan norma dan budaya yang menerima wanita sebagai ketua rumah, serta dasar kerajaan yang menekankan kesaksamaan gender dalam semua aspek kehidupan adalah antara faktor utama yang menyumbang kepada trend peningkatan wanita sebagai KIR. Walaupun begitu,. menurut Tan (2002) KIR wanita akan sentiasa berhadapan cabaran budaya dan stereotaip gender yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap peranan dan kedudukan wanita dalam institusi keluarga. Oleh itu, usaha berterusan diperlukan untuk mencapai kesetaraan sepenuhnya antara lelaki dan wanita dalam struktur rumah tangga agar peranan wanita setara kepentingan lelaki dalam sektor pekerjaan. Perkara ini penting jika diteliti dalam konteks di mana layanan pekerjaan bagi lelaki dan wanita yang masih lagi bersifat streotaip terutama dalam sektor swasta dan persendirian. Di Malaysia, jurang gender antara lelaki dan wanita adalah 0.711 mata. Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi masih rendah iaitu 55 peratus berbanding 80.4 peratus lelaki. Dalam bidang profesional dan teknikal, penglibatan wanita hanya sekitar 44.3 peratus berbandinbg 55.7 peratus lelaki. Begitu juga perbandingan dalam sektor penggubalan undang-undang yang hanya melibatkan 24.7 peratus tenaga kerja wanita berbanding 75 peratus lelaki (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

3. PENINGKATAN ENROLMEN WANITA DALAM PENDIDIKAN TINGGI

Pembandaran turut membawa perubahan sosial ke atas peranan wanita sebagai penjana pendapatan keluarga. Penyertaan wanita dalam peluang-peluang pendidikan di pelbagai peringkat menggambarkan harapan untuk menentukan kerjaya yang lebih terjamin. Berdasarkan data dalam Jadual 4, terdapat pola peningkatan yang ketara dalam enrolmen di sektor pengajian pendidikan tinggi di Malaysia sejak merdeka di tahun 1957 hingga unjuran 2025.

Peratus kaum wanita yang berjaya menyambung pengajian di peringkat matrikulasi, kolej dan universiti menunjukkan tren yang meningkat secara ketara dari dekad ke dekad. Misalnya pada tahun 1957 hanya sejumlah 30 peratus wanita menyertai pendidikan matrikulasi, bertambah kepada lebih sekali ganda pada tahun 1970 dan selanjutnya ke angka 27,000 calon pada tahun

2025. Begitu juga enrolmen wanita bagi pendidikan tinggi di kolej dan universiti yang memperlihatkan trend yang pesat.

JADUAL 4. Kadar Enrolmen Wanita Dalam Pendidikan Tinggi, 1970-2025

Perkara	Matrikulasi		Kolej		Universiti	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
1957	3,000	30	7,000	35	9,000	30
1970	6,400	32	16,000	40	18,500	37
1980	13,800	46	24,000	48	36,000	45
1990	19,050	53	31,800	53	52,000	52
2000	22,800	57	42,750	57	81,000	54
2010	24,400	61	54,000	60	120,000	60
2020	26,000	65	67,950	63	186,000	62
2025*	27,200	68	78,000	65	224,000	64

Sumber: Diadaptasi, Jabatan Perangkaan Malaysia, 1957-2025 (*anggaran)

Enrolmen peringkat universiti umumnya merujuk kepada pengajian sarjana muda, pengajian sarjana, dan pengajian doktor falsafah (PhD). Data-data enrolmen ini memberikan gambaran keseluruhan tentang penglibatan wanita dalam pendidikan tinggi yang memperlihatkan kesignifikanan sumbangan mereka dalam pekerjaan profesional. Peningkatan akses wanita kepada peluang pendidikan tinggi di Malaysia berpunca daripada beberapa faktor utama, antaranya adalah dasar kerajaan yang semakin menekankan kesaksamaan gender dalam bidang pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013); pertumbuhan ekonomi yang pesat menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan yang memerlukan tahap pendidikan tinggi (Bakar & Hanafi 2007); perubahan nilai dan sikap masyarakat yang semakin menerima penglibatan wanita dalam bidang profesional dan saintifik (Acker 1994); keupayaan wanita untuk berjaya dalam sistem pendidikan yang semakin terbuka dan menghargai kebolehan individu (Tan 2002), serta adanya peningkatan akses wanita kepada pendidikan tinggi ini seterusnya menjadi pemangkin kepada perubahan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat Malaysia (Fatimah et al. 2015). Menurut Bakar dan Hanafi (2007), wanita yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat universiti cenderung untuk menceburi bidang pekerjaan profesional dan berpendapatan tinggi, memegang jawatan kepimpinan dan membuat keputusan yang penting serta memberi sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara. Kesemua ini memberi gambaran perubahan peranan sosial wanita daripada wanita domestik kepada agen perubahan sosial masyarakat.

4. PENINGKATAN PERKAHWINAN LEWAT USIA

Impak penting pembandaran ke atas perubahan struktur keluarga dan peranan wanita daripada fungsi tradisional kepada fungsi penjana pendapatan juga dapat diperhatikan dalam aspek perkahwinan lewat usia serta merosotnya jumlah wanita berkahwin berbanding populasi wanita keseluruhan dalam sesuatu tahun. Jadual 5 memperlihatkan data purata usia berkahwin wanita Malaysia semenjak merdeka hingga tahun anggaran 2025. Apa yang dapat disimpulkan daripada data berkenaan adalah terjadinya pola peningkatan dalam purata usia berkahwin. Purata usia perkahwinan wanita pada tahun 1957 adalah sekitar 20 tahun. Pada masa itu, perkahwinan pada usia yang sangat muda (bawah 18 tahun) merupakan perkara yang agak lazim, terutama di kawasan luar bandar. Dalam dekad 1970-an, purata usia berkahwin wanita mula meningkat kepada 22-23 tahun. Perubahan ini mungkin disebabkan peningkatan akses pendidikan dan kesedaran mengenai

kepentingan menunda perkahwinan. Purata usia perkahwinan wanita Malaysia terus meningkat pada dekan 1980an dan 1990an kepada 24-25 tahun selari dengan kemajuan sosio-ekonomi dan peningkatan pencapaian pendidikan. Sementara di era milenium baru, purata umur berkahwin ini terus meningkat ke usia 26-27 tahun, dan dianggarkan terus kekal pada tahun 2025.

JADUAL 5. Purata Umur Berkahwin Wanita Malaysia, 1957-2025

Tahun	Purata usia
1957	< 20
1970	20-23
1980	24-25
1990	26-27
2000	27-29
2020	27-29
2025*	27-29

Sumber: Adaptasi daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia., Jabatan Perangkaan Malaysia. (1960-2024) (*anggaran)

Perkahwinan lewat usia di kalangan wanita memberi gambaran bahawa kaum wanita terpaksa ‘melupakan’ atau menangguhkan sementara waktu hasrat berumahtangga dan melaksanakan fungsi reproduksi untuk memberi fokus yang lebih kepada fungsi menjana pendapatan, melindungi dan memajukan kerjaya serta mengukuhkan kemampuan ekonomi sebelum membentuk keluarga. Pola yang ditemui ini bersamaan dengan hasil kajian Tinjauan Populasi dan Keluarga Malaysia (MPFS) yang dijalankan pada tahun 1974, 1984, 1994 dan 2014 yang menunjukkan purata pola usia perkahwinan wanita di Malaysia telah meningkat dari 22.3 tahun pada 1974 kepada 26.1 tahun pada 2014. Ia juga selaras dengan Laporan Kajian Persepsi Masyarakat terhadap Isu Keluarga oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2016 melaporkan bahawa purata usia perkahwinan wanita di Malaysia adalah 27.4 tahun.

Peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan bukan sahaja telah menyebabkan pekahwinan lewat usia tetapi juga semakin ramai wanita produktif tidak berkahwin. Dalam Jadual 1.4, terdapat trend kemerosotan jumlah wanita berkahwin (pada usia 20-24 tahun) berbanding populasi wanita keseluruhan di negara ini.

JADUAL 6. Bilangan dan Peratus Perkahwinan Wanita Pada Usia 20-24 Tahun, 1970-2025

Tahun	Usia perkahwinan	Jumlah wanita berkahwin mengikut usia daripada keseluruhan populasi wanita (juta)	
		Bilangan	Peratus
1957	< 20 tahun	2.4	55.1
1970	20-24 tahun	1.7	42.1
1980	20-24 tahun	1.6	35.0
1990	20-24 tahun	1.5	29.0
2000	20-24 tahun	1.3	22.0
2020	20-24 tahun	1.2	17.0
2025*	20-24 tahun	1.0	13.8

Sumber: Diadaptasi, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (1960, 1974, 1983, 1991, 2000, 2022). (*anggaran)

Pada tahun 1957, terdapat 2.4 juta (55.1%) wanita telah berkahwin sebelum mencecah usia 20 tahun, namun bagi tahun 1970-2020, terjadi penurunan ketara dari 42.1 peratus kepada 17.0 peratus. Dianggarkan pada tahun 2025, jumlah wanita berkahwin pada usia 20-24 akan semakin

mengecil kepada 13.8%. Pola penurunan ini berkait rapat dengan dapatan dalam Jadual 1.3 di mana ramai wanita berkerjaya berkahwin lewat dan bukan pada usia reproduksi cemerlang ini.

Perkara yang membimbangkan berkenaan perubahan peranan wanita daripada fungsi domestik kepada penjana ekonomi ini ialah kekhuatiran terhadap hilangnya keinginan untuk berkahwin kerana adanya jaminan ekonomi yang stabil. Kekhuatiran ini mempunyai asas jika dilihat pada pola kecenderungan perkahwinan di usia lewat serta semakin mengecilnya jumlah wanita berkahwin. Kekhuatiran ini juga disokong oleh data Banci Penduduk Malaysia 2020 yang menunjukkan sekitar 1.2 juta wanita dalam lingkungan umur 30-54 tahun (usia produktif) di negara ini masih belum berkahwin (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Bahkan kajian oleh Universiti Malaysia Sarawak (2021) turut menunjukkan bahawa 35 peratus wanita profesional di bandar-bandar utama di Malaysia masih bujang pada usia 35 tahun ke atas dengan alasan utama untuk memantapkan kerjaya terlebih dahulu (Dayang et al. 2021).

5. PENINGKATAN KELUARGA NUKLEUS

Penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan bukan sahaja menyebabkan lewatnya purata usia berkahwin serta penurunan jumlah wanita berkahwin seperti dihuraikan sebelumnya. Pembandaran juga memberi kesan ke atas pembentukan saiz keluarga dalam kalangan wanita berkerja. Apabila peranan sosial wanita berubah dan kos kehidupan di bandar semakin meningkat, memiliki anak yang ramai bukanlah pilihan bagi wanita berkerja begitu juga penduduk bandar secara keseluruhannya. Penglibatan wanita dalam pekerjaan menyebabkan saiz keluarga mula cenderung beralih dari keluarga besar/luas kepada keluarga nukleus dengan anak antara 1-3 orang sahaja.

JADUAL 7. Purata Bilangan Anak Bagi Keluarga Malaysia dan Wanita Berkerja, 1970-2025

Tahun	Purata bilangan anak keluarga Malaysia	Purata Bilangan anak wanita berkerja
1957	6.2	4.8
1970	4.9	3.7
1980*	4.9	3.7
1990*	4.3	3.0
2000	3.5	2.8
2020	2.9	2.3
2025*	2.7	1.9
Peratus (%) penurunan (1957-2025)	3.5 anak (56.5%)	2.9 anak (60.4%)

Sumber: Diadaptasi dari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (1960, 1974, 1983, 1991, 2000, 2022). (*anggaran)

Merujuk Jadual 7, purata bilangan anak bagi keluarga Malaysia di awal kemerdekaan adalah sekitar 6.2 anak. Pada masa dahulu, adalah kelaziman bagi pasangan memiliki anak antara 5-10 orang. Bagi tempoh 1957-2025, data menunjukkan bahawa pada setiap tempoh masa, purata bilangan anak bagi keluarga Malaysia sentiasa lebih tinggi berbanding purata bilangan anak wanita bekerja. Walaupun purata bilangan anak bagi rata-rata keluarga Malaysia menurun secara konsisten dari 6.2 anak pada tahun 1957 kepada 2.7 anak pada anggaran 2025, namun purata bilangan anak bagi wanita bekerja menurun pada purata yang lebih tinggi (4.8 anak kepada 1.9 anak). Sekiranya pengiraan peratus purata penurunan dibuat bagi tempoh 1957-2025, dapat disimpulkan bahawa penurunan purata bilangan anak bagi wanita bekerja adalah jauh lebih besar iaitu sebanyak 60.4 peratus berbanding 56.5 peratus bagi anak keluarga Malaysia.

Wanita berkahwin dan bekerja cenderung untuk mempunyai bilangan anak lebih rendah berbanding wanita yang tidak bekerja. Keluarga nukleus lebih praktikal dan sesuai dengan gaya hidup bandar yang sibuk. Ini ditambah lagi dengan peranan ibu yang bekerja untuk mencapai kemajuan dalam kerjaya, di samping kos membesarkan anak yang tinggi dan faktor kekurangan masa untuk anak-anak.

Penurunan fertiliti dalam keluarga bandar juga mungkin disumbangkan faktor kesuburan wanita berkahwin yang semakin rendah akibat pelbagai tekanan dan pendedahan kadar penyakit yang tinggi pada usia meningkat. Ia juga dapat dikaitkan dengan faktor perubahan norma dan nilai kekeluargaan yang berkaitan pembahagian tugas yang lebih saksama antara suami dan isteri. Wanita bekerja umumnya mempunyai lebih banyak autonomi dan kuasa membuat keputusan dalam keluarga. Kajian oleh Universiti Sains Malaysia (2019) mialannya mendapati bahawa trend pembentukan keluarga nukleas kini menjadi lebih dominan di Malaysia dengan pasangan memilih untuk mempunyai bilangan anak yang lebih kecil (Noraini et al. 2019).

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Proses pembandaran yang pesat dan perubahan sosial yang ketara di Malaysia sejak era kemerdekaan telah membawa pelbagai implikasi ke atas struktur dan dinamik keluarga. Satu trend yang semakin ketara ialah peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan utama dalam sesebuah isi rumah iaitu sebagai gunatenaga, begitu juga sebagai KIR utama. Penglibatan wanita dalam pekerjaan pada masa sama dilihat membawa kepada peningkatan penglibatan wanita dalam sektor pendidikan bagi menjamin masa depan ekonomi yang lebih baik, serta disusuli perkahwinan pada lewat usia dan pembentukan keluarga nukleus.

Berdasarkan penelitian dalam artikel ini, data jelas memperlihatkan bahawa pada tahun 1957, hanya sekitar 20 peratus kaum wanita di Malaysia menyumbang pendapatan kepada isi rumah. Namun, angka ini telah meningkat secara signifikan mencapai 45 peratus pada tahun 2000 dan dijangka terus meningkat kepada 55.1 peratus menjelang 2025. Peningkatan ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti isu kos sara hidup yang tinggi di bandar-bandar besar, peluang pekerjaan yang semakin terbuka untuk wanita dan peningkatan tahap penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Peningkatan peranan wanita sebagai penjana pendapatan keluarga merupakan satu cabaran yang berat bagi wanita tetapi telah menjadi norma yang diterima umum dalam masyarakat Malaysia. Dalam ertikata lain, penglibatan wanita dalam ekonomi yang dahulunya bukan peranan utama kini telah menjadi tanggungjawab lazim sebagaimana ditekankan dalam perspektif teori Struktural-Fungsional dan Teori Konflik yang melihat perlunya kaum wanita menyesuaikan diri dengan perubahan sosial yang berlaku.

Dalam konteks adaptasi atau penyesuaian ini, jurang gender harus diberi keutamaan oleh masyarakat dan kerajaan agar penglibatan wanita sebagai penjana ekonomi keluarga tidak berterusan memberikan impak buruk ke atas kesejahteraan keluarha. Ini termasuklah keperluan bagi wanita, keluarga dan kerajaan meneliti isu-isu kesejahteraan dan keseimbangan antara tanggungjawab keluarga dan kerjaya, diskriminasi gender di tempat kerja, dan cabaran untuk memperoleh gaji yang setimpal dengan lelaki.

Perubahan peranan wanita sebagai penjana pendapatan utama keluarga membawa pelbagai implikasi daripada segi struktur dan dinamik keluarga, pembahagian tugas rumah tangga, serta isu kesaksamaan gender. Dalam konteks pembandaran yang semakin mencabar, wanita memerlukan

sokongan dan persekitaran yang kondusif agar dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan. Ini termasuk polisi dan program yang menyokong *work-life balance*, peluang kerjaya yang adil, serta pembahagian tugas rumah tangga yang lebih seimbang dalam keluarga. Hanya dengan cara ini, wanita dapat benar-benar menjadi penjana pendapatan utama yang kukuh dan berdaya saing dalam konteks perubahan sosial semasa.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan di atas kerjasama penulisan artikel ini melibatkan penulis dari Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Masyarakat (PSITRA, FSSK, UKM) dengan Institut Pengajian Tinggi International University of Kuala Lumpur (IUUKL). Penghargaan juga ditujukan kepada pihak AKADEMIKA di atas penerbitan artikel jurnal ini.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi & Sulong Mohamad. 1990. *Pembandaran dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah.
- Abdul Samad Hadi. 2010. Urbanisasi di Malaysia: Mengaitkan kepelbagaian proses ke bentuk pembandaran. *Malaysian Journal of Environmental Management* 11(2): 21-31.
- Acker, J. 1994. Gendered institutions: From sex roles to gendered institutions. *Contemporary Sociology*, 21(5), 565-569.
- Adame, J. L. M., Perea, Q. R. P., & Manibo, J. 2019. Marital satisfaction, attitude towards gender norms, and coping mechanism among househusbands. *Asia Pacific Journal of Education, Arts and Sciences* 6(4): 1-12.
- Anthony, I. S. 2014. A critique of Functionalism as a theory of the Contemporary Nigerian Social System. *Journal of South Culture and Development* 16(2).
- Apostu, I. 2020. The divorce and its psycho-social impact on the couple. *Logos Universality Mentality Education Novelty: Social Sciences* 9(2): 44-53.
- Bakar, A., & Hanafi, M. 2007. *Tuntutan Asas Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Putrajaya, Malaysia: *Department of Statistics Malaysia*.
- Castells, M. 1996. *The Rise of the Network Society (The Information Age: Economy, Society and Culture, Vol. 1)*. Blackwell.
- Christaller, W. 1933. *Central Places in Southern Germany: An Economic-Geographical Study on the Regularity of the Distribution and Development of Settlements with Urban Functions*. Jena: Gustav Fischer.
- Clark, K. B. 1951. Determinants of participation in neighborhood community organizations. *Human Relations*, 4(4), 377-387.
- Coser, L. A. 1957. Social conflict and the theory of social change. *The British Journal of Sociology* 8(3): 197-207.
- Dahrendorf, R. 1959. *Class and Class Conflict in Industrial Society*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Davis, K. 1965. The Urbanization of the Human Population. *Scientific American*, 213(3), 40-53.
- Durkheim, É. 1893. *The Division of Labor in Society*. Paris: Félix Alcan.

- Fatimah, K. & Yong Sook Lu. 2009. Peranan Wanita dalam Ekonomi Keluarga di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 43, 69-84.
- Fatimah, H., Wan Jaafar, W. M., & Abdul Karim, A. M. 2015. Trends in Malaysian women's participation in higher education and employment. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*, 7(1), 19-32.
- Giddens, A. 1990. *The Consequences of Modernity*. Stanford University Press.
- Held, D., McGrew, A., Goldblatt, D., & Perraton, J. 1999. *Global Transformations: Politics, Economics and Culture*. Stanford University Press.
- Hoffmann, E. M., Konerding, V., Nautiyal, S., & Buerkert, A. 2019. Is the push-pull paradigm useful to explain rural-urban migration? A case study in Uttarakhand, India. *PloS one* 14(4): 1-22
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia* (1960, 1974, 1983, 1991, 2000, 2022). <https://www.dosm.gov.my/>
- Jacobsen, M. H. (Ed.). 2017. *The Companion to the Works of Georg Simmel*. Walter de Gruyter GmbH & Co. KG.
- Kakepoto, H., Brohi, A. A., & Jariko, G. A. 2012. Impact of social change upon family as social institution with special focus on Pakistan: A sociological analysis. *International Research Journal of Arts & Humanities (IRJAH)* 40(40): 103-118
- Kasarda, J. D., & Janowitz, M. 1974. Community attachment in mass society. *American Sociological Review*, 39(3), 328-339.
- Kaslan, M. F. A. A., & Jusoh, H. 2020. Rebakan Urbanisasi Dan Perubahan Sosio-Ekonomi Penduduk Pinggir Bandar: Kajian Kes Di Seberang Takir, Kuala Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(3): 1-15.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. 2006. *Dasar Perumahan Negara*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Khoo Suet Leng et al. 2012. *Wanita, Keluarga dan Perubahan Sosial di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kinseng, R. A. 2021. Socio-cultural change and conflict in the coastal and small island community in Indonesia. *Sodality: Jurnal Sosiologi Pedesaan* 9(1): 1-17.
- Lee, E. S. 1966. A theory of migration. *Demography*, 3(1), 47-57.
- Magazi, V. 2018. Changing family patterns from rural to urban and living in the in-between: A public theological responsive ministerial approach in Africa. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies* 74(1): 3-8.
- Mahdizam, S. N. H., & Yew, V. W. 2018. Penyusunan bayi dalam kalangan wanita berkerjaya: Satu Tinjauan. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(1): 1-10
- Mahyuddin, N. A., Zin, R. M., & Awang, A. H. 2019. *Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mannheim, K. 1952. *Essays on the Sociology of Knowledge*. London: Routledge & Kegan Paul.
- McGee, T. G. 1971. *The Urbanization Process in the Third World: Explorations in Search of a Theory*. G. Bell & Sons.
- Mead, M. 1970. *Culture and Commitment: A Study of the Generation Gap*. Garden City, NY: Natural History Press.

- Mohd Yaacob, N., & Siti Hajar, A. B. 2015. Poverty alleviation among single mother households in Malaysia: Client's perspective on the limitations of home aid program. *Asian Social Work and Policy Review*, 9(3), 306-321.
- Moller, S., Bradley, D., Huber, E., Nielsen, F., & Stephens, J. D. 2003. Determinants of relative poverty in advanced capitalist democracies. *American Sociological Review* 68(1), 22-51.
- Moore, W. E. 1967. *Order and Change: Essays in Comparative Sociology*. New York: Wiley.
- Mutekwe, E. 2012. The impact of technology on social change: a sociological perspective. *Journal of research in peace, gender and development* 2(11): 226-238.
- Noor Azuddin Yakob et al. 2015. Perubahan Struktur Keluarga dan Penyertaan Wanita dalam Tenaga Kerja di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 24-34.
- Noor Rahamah Abu Bakar. 2007. Wanita, Pekerjaan dan Struktur Keluarga di Malaysia. *Akademika*, 71, 45-66.
- Noor Rahamah, Hj Abu Bakar. 2012. Dilema wanita dwi peranan: Analisis gender terhadap wanita bekerja. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 155-163
- Noraida Endut & Intan Osman. 2010. *Wanita, Keluarga dan Pembangunan di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia Press.
- Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. 2022. Penglibatan Wanita Melayu dalam Memperkasa Sosioekonomi dan Kesejahteraan Hidup Menerusi Penanaman Padi di Terengganu Pada Awal. *Akademika* 92(3), 2022: 117-131.
- Nurwati Badarulzaman & Nor Malina Malek. 2014. Peranan Ganda Wanita Bekerja dalam Keluarga di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 45-54.
- Ormerod, R. 2020. The history and ideas of sociological functionalism: Talcott Parsons, modern sociological theory, and the relevance for OR. *Journal of the Operational Research Society* 71(12): 1873-1899
- Pacione, M. 2009. *Urban Geography: A Global Perspective (3rd ed.)*. Routledge.
- Park, R. E., & Burgess, E. W. 1925. *The city*. University of Chicago Press.
- Parsons, T. 1951. *The Social System*. Glencoe, IL: Free Press.
- Pfau-Effinger, B. 2004. Socio-historical paths of the male breadwinner model—an explanation of cross-national differences. *The British Journal of Sociology* 55(3): 377-399.
- Prentice, D., & Paluck, E. L. 2020. Engineering social change using social norms: Lessons from the study of collective action. *Current Opinion in Psychology* 35: 138-142.
- Rahman, M. Z. A., Mohamad, M. T., & Azzis, M. S. A. 2020. Islam dan pembasmian Kemiskinan bandar: Islam and the Erradication of Urban Poverty. *Jurnal Syariah* 28(3): 461-500.
- Rameli, N., Ramli, F., & Salleh, D. 2019. Urbanization and quality of Life: A comprehensive literature. *Journal of Social Transformation and Regional Development* 1(2): 24-32.
- Rohana Y. 2006. Pendidikan, Pekerjaan dan Peranan Wanita dalam Keluarga di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Administration*, 3, 21-35.
- Roziah O. 2003. Changing Roles of Malaysian Women: From Homemaker to Breadwinner. *Journal of Comparative Family Studies*, 34(1), 39-52.
- Ryder, N. B. 1965. The cohort as a concept in the study of social change. *American Sociological Review*, 30(6), 843-861.
- Sampson, R. J. 1988. Local friendship ties and community attachment in mass society: A multilevel systemic model. *American Sociological Review*, 53(5), 766-779.

- Shalom-Tuchin, B. 2013. Combining multiple roles among high-position women in Israel, as seen by the woman, her husband, and a child. *Journal of International Women's Studies* 14(1): 69-93.
- Suprpto, W., Maftuh, B., Sjamsuddin, H., & Malihah, E. 2020. Singkawang from Coser's Perspective. *Journal of Education, Teaching and Learning* 5(1): 168-172.
- Suriati Ghazali. 2002. Perubahan Peranan Wanita Melayu Kelas Menengah di Bandar. *Akademika*, 60, 79-101.
- Sztompka, P. 1993. *The Sociology of Social Change*. Blackwell.
- Tan, Y. S. 2002. *Education and meritocracy*. In Y. S. Tan, *Education in Malaysia: Towards Vision 2020* (ms. 63-78). Selangor: Pearson Malaysia.
- Todaro, M. P., & Smith, S. C. 2012. *Economic Development (11th ed.)*. Pearson Education Limited.
- Toffler, A. 1970. *Future Shock*. New York: Random House.
- United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division. 2019. *World Urbanization Prospects: The 2018 Revision*.
- Wallerstein, I. 1974. *The Modern World-System I: Capitalist Agriculture and the Origins of the European World-Economy in the Sixteenth Century*. New York: Academic Press.
- Weber, M. 1922. *Economy and Society: An Outline of Interpretive Sociology*. Tübingen: J.C.B. Mohr.
- Wirth, L. 1938. Urbanism as a Way of Life. *American Journal of Sociology*, 44(1), 1-24.
- Zainab Ismail 2001. *Wanita, Pekerjaan dan Keluarga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Hairi Omar (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia (PsiTra),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi, Selangor Darul Ehsan
Emel: hairi@ukm.edu.my

Juliana Rosmidah Jaafar
Pusat Asasi dan Pengajian Umum,
Infrastructure University Kuala Lumpur
(IUKL), Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Emel: juliana.rosmidah@gmail.com